



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## KENYATAAN SIARAN RASMI

### PEMAKLUMAN TARIKH ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR, PRO-CANSELOR DAN KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KALI KE-12

Dengan limpah perkenan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor bahawa tarikh Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kali Ke-12 akan diadakan pada 23, 24 dan 25 November 2022 (Rabu, Khamis dan Jumaat) di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok, Kelantan.

Penetapan tarikh ini dibuat setelah mengambil kira dengan tarikh Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15) yang diumumkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia baru-baru ini.

Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Sidang 1 Konvokesyen akan bermula pada 23 November 2022 (Rabu), Sidang 2 dan 3 pada 24 November 2022 (Khamis) manakala Sidang 4 dan 5 pada 25 November 2022 (Jumaat).

Selaras dengan pengumuman ini graduan adalah dimohon untuk merujuk laman web rasmi yang boleh dilayari di <http://konvo.umk.edu.my/> bagi mendapatkan perincian setiap sidang.

**2 November 2022**

#### PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT

Pejabat Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan.

Tel : 09-7797000 E-mel : [pkk@umk.edu.my](mailto:pkk@umk.edu.my)

